

24/01/2001

Samy Vellu pelawa Pandithan masuk MIC

KUALA LUMPUR, Selasa - Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu hari ini membuat tawaran terbuka kepada Presiden Barisan Kemajuan India seMalaysia (IPF), Datuk M G Pandithan serta pengikutnya kembali menyertai parti itu.

Ketika membuat tawaran itu dalam sidang akhbar selepas mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pusat MIC (CWC) di sini hari ini, Samy Vellu menjelaskan keputusan itu mendapat sokongan sebulat suara anggota CWC.

"Tawaran ini dibuat kepada beliau serta semua sahabat beliau dan jika mereka suka, boleh memohon untuk memasuki MIC. CWC menetapkan pendirian menerima mereka. Keputusan kini di tangan beliau (Pandithan).

"Ketetapan ini dibuat demi perpaduan kaum India di negara ini agar mereka dapat bersatu dan memainkan peranan lebih berkesan, baik bagi pembangunan negara atau sebagai komponen Barisan Nasional (BN).

"Walaupun tidak menjadi anggota komponen, Pandithan setia menyokong BN sejak IPF ditubuhkan 11 tahun lalu. MIC mengiktiraf kesetiaannya selama ini dan menjemputnya kembali meneruskan perjuangan bersama parti ini," katanya.

Ini adalah perkembangan baru dalam politik masyarakat India di negara ini kerana selama lebih 11 tahun, Pandithan berikrar tidak akan membubarkan IPF manakala Samy Vellu pula enggan membuka pintu MIC kepada IPF.

Pandithan pernah menjadi Naib Presiden MIC tetapi dipecat pada 1 Disember 1988 kerana perbezaan pendapat dan perselisihan faham dengan Samy Vellu.

Beliau mencetuskan kontroversi apabila mengadakan 'mogok lapar sehingga mati' dengan membawa sebuah keranda ke ibu pejabat MIC serta berkumpul bersama penyokongnya sebagai membantah tindakan Samy Vellu.

Apabila gagal mencapai penyelesaian, Pandithan menubuhkan IPF pada 1990 tetapi mengumumkan ia tetap menyokong kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan BN.

Usaha IPF untuk menyertai komponen BN sejak 1995 menemui jalan buntu kerana, menurut dakwaan Pandithan, sentiasa ditentang oleh MIC. Kemasukan parti baru dalam BN wajib menerima konsensus semua parti komponen.

Samy Vellu menegaskan, beliau masih tetap dengan pendirian bahawa perlu hanya ada satu parti bagi mewakili kaum India di negara ini dan ia adalah MIC.

Oleh itu, katanya, pelawaan MIC itu bukan kerana kepentingan politik peribadi tetapi lebih mengutamakan perjuangan dan hala tuju masa depan serta kebajikan masyarakat India secara umum.

"Pandithan dan penyokong IPF lain akan diterima memasuki MIC sebagai ahli biasa selaras syarat perlembagaan parti. Terpulang kepada CWC untuk menentukan apa jawatan yang boleh diberi kepada Pandithan," katanya.

Beliau berkata, tiada tempoh ditentukan bagi mereka memohon untuk menyertai MIC dan sebarang keputusan lanjut mengenai jawatan dalam parti hanya akan dibuat selepas menerima maklum balas Pandithan.

Pandithan tidak dapat dihubungi bagi mengulas perkara ini.

(END)